



Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil DUN N27 Balakong

3 Oktober 2018

Laporan Pemerhatian Pilihan Raya Kecil DUN N27 Balakong

1. LATAR BELAKANG

Pilihan Raya Kecil DUN N27 Balakong telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berikutan kematian ahli DUN tersebut, Ng Tien Chee meninggal dalam kemalangan jalan raya. Tarikh hari penamaan calon telah ditetapkan pada 18 Ogos 2018, hari mengundi awal pada 4 September 2018 dan hari mengundi biasa pada 8 September 2018.

BERSIH 2.0 telah menghantarkan seramai 18 orang pemerhati untuk memantau perjalanan PRK Balakong. Mereka terdiri daripada ahli jawatankuasa pemandu, sekretariat dan sukarelawan BERSIH 2.0.

Skop pemerhatian PRK Balakong adalah seperti berikut:

- 1) Penamaan calon
- 2) Kempen pilihan raya
- 3) Pengeluaran kertas undi pos
- 4) Semakan isi peti undi awal
- 5) Pengundian awal
- 6) Semakan isi peti undi biasa
- 7) Pengundian biasa
- 8) Pengiraan undi berkelompok
- 9) Pengiraan undi biasa
- 10) Pembukaan sampul dan pengiraan undi pos
- 11) Penjumlahan rasmi undi dan pengisytiharan keputusan pilihan raya

Pemerhatian BERSIH 2.0 memberi fokus kepada masalah-masalah yang bertentangan dengan prinsip-prinsip pilihanraya yang bersih dan adil dan kesalahan-kesalahan pilihan raya yang berlaku sepanjang pilihan raya.

2. PENAMAAAN CALON

Proses penamaan calon berjalan dengan lancar.

3. KEMPEN PILIHAN RAYA

Pemerhati-pemerhati BERSIH 2.0 telah merakamkan sebanyak 8 kes yang berkenaan dengan insiden salah laku atau kesalahan pilihan raya sepanjang tempoh kempen pilihan raya.

Insiden/Kesalahan Pilihan Raya	Bilangan laporan yang diterima
Penjamuan makanan dan pemberian hadiah atau barangan	3
Keganasan politik, intimidasi dan gangguan semasa kempen	2
Penggunaan aset kerajaan	2
Lain-lain	1
Jumlah	8

3.1 Penjamuan makanan dan pemberian hadiah atau barangan

Penjamuan dalam kempen pilihan raya ialah satu kesalahan di bawah Seksyen 8 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Pengaruh tidak wajar seperti memberi hadiah atau barangan percuma untuk meraih undi juga merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 9 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. BERSIH 2.0 telah mencatat 3 kes yang melibatkan penjamuan dan pemberian hadiah seperti berikut.

- Calon MCA Tan Chee Tiong menjalankan aktiviti pemeriksaan kesihatan percuma di Taman Murni. Pemeriksaan mata, tekanan darah dan ujian darah dijalankan (20.8.2018)



- Terdapat makanan percuma seperti satay dan roti canai di ceramah final MCA di Cheras Jaya (07.09.2018)



- Terdapat penjamuan makanan di Ceramah Umum MCA di Desa Baiduri (06.09.2018)



3.2 Keganasan politik, intimidasi dan gangguan semasa kempen

Sepanjang tempoh berkempen, pemimpin politik atau mana-mana wakil calon parti tidak dibenarkan menggunakan kekerasan, intimidasi dan mengganggu orang lain yang berkempen.

- Kira-kira 100 buah bunting kempen MCA yang dipasang di Kwan Tung Baru, Sungai Chua pada 22 dan 23 Ogos telah diturunkan dan dibuang merata-rata di jalan raya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab (23.8.2018)



- Anggota Parlimen Pontian Datuk Ahmad Maslan juga menyarankan para pengundi yang tidak berpuas hati dengan kegagalan Pakatan Harapan (HARAPAN) untuk melanggar tol. Beliau berkata, "Nak hapuskan tol, adakah mereka (Pakatan Harapan) hapuskan tol? Ada?", "Saya harap ada yang antara kita ni yang berani melangar palang-palang tol yang berada di mana mana. Langgar je tuan-tuan dan puan-puan palang-palang tol.
(Berita Malaysiakini: <https://www.malaysiakini.com/news/441963>) (06.09.2018)

3.3 Penggunaan aset kerajaan

Aset dan program kerajaan tidak boleh digunakan untuk kepentingan parti lebih-lebih lagi ketika berkempen waktu pilihan raya untuk menjamin *level playing field* antara semua calon dan parti. Terdapat dua kes yang kukuh berkenaan penggunaan aset kerajaan untuk aktiviti berkempen telah dirakam sepanjang tempoh berkempen.

- Semasa Ceramah Pakatan di Pasar Besar Sungai Chua, YB Mohamad Sabu, Menteri Pertahanan telah datang ke ceramah tersebut dengan menggunakan kereta rasmi kerajaan Proton Perdana Eksekutif, bernombor VBY 2698, dan diiringi oleh polis (01.09.2018)





- Semasa Ceramah Akhir Pakatan Harapan di Gelanggang Bola Keranjang Kg Baru Batu 11 Cheras, YB Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah datang ke ceramah tersebut dengan menggunakan kereta kerajaan Proton Perdana Eksekutif, bernombor VCD 8. YB DS Mohamed Azmin bin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi juga datang ke ceramah yang sama dengan menggunakan kereta rasmi kerajaan Proton Perdana Eksekutif, bernombor VBY 4507 (07.09.2018)





3.4 Lain-lain

Terdapat juga bahan kempen yang berada dalam kawasan 50 meter pusat mengundi, contohnya di SMK Cheras Jaya, Dewan Orang Ramai Sungai Chua, SMK Cheras Perdana. Ini jelas melanggar Seksyen 24B (7) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 yang tidak membenarkan untuk meletakkan bahan kempen kurang dari 50 meter dari kawasan tempat mengundi semasa tempoh berkempen.

Cadangan Penambahbaikan:

- Pihak SPR perlu memantau aktiviti-aktiviti kempen calon-calon secara pro-aktif untuk memastikan kempen mereka dijalankan tanpa melanggar undang-undang pilihan raya.
- Pihak SPR sepatutnya mengawal bahan kempen agar tidak diletakkan di dalam kawasan 50 meter dari pusat mengundi.
- Pihak SPR seharusnya memantau semua proses latihan kerani dan petugas dan kempen pilihan raya dan bukan fokus kepada bahan kempen sahaja.
- PP-KPR perlu diperkuatkan supaya rondaan lebih kerap untuk memastikan semua bahan kempen mematuhi undang-undang. Talian PP-KPR perlu diumumkan supaya orang awam boleh buat aduan dengan lebih senang.

4. UNDI POS

4.1 Pengeluaran kertas undi pos

Proses pengeluaran kertas undi pos berjalan dengan lancar.

4.2 Pembukaan sampul dan pengiraan undi pos

- Pembukaan sampul dan pengiraan undi pos tidak mengikut prosedur yang ditetapkan dan agak mengelirukan.
- Petugas-petugas juga tidak begitu terlatih kerana apabila sampul B dibuka, borang 2 dan sampul B sepatutnya diasingkan ke dalam dulang yang berlainan. Namun, kedua-duanya dikepilkan bersama dan hanya diperbetulkan setelah diberitahu oleh pemerhati-pemerhati.
- Sampul A tidak diperiksa dengan teliti sehingga satu undi tertinggal tidak dibuka.
- Pegawai SPR juga tidak begitu pasti dengan proses dan tidak memberi nasihat yang jelas pada masa yang diperlukan kepada kerani dan petugas.

Cadangan Penambahbaikan:

- Pegawai SPR sepatutnya mengikut prosedur yang telah ditetapkan biarpun undi pos hanya sedikit
- Pegawai-pegawai dan petugas-petugas SPR perlu dilatih dengan lebih jelas tentang prosedur bagi pengiraan undi pos.

5. UNDI AWAL

5.1 Semakan isi peti undi awal

Proses semakan isi peti undi awal berjalan dengan lancar.

5.2 Pengundian awal

Calon daripada Pakatan Harapan memakai lencana yang mempunyai logo parti dan masuk ke pusat mengundi. Penyokong yang memakai T-shirt baju yang mempunya logo parti dan berada di pusat mengundi berdekatan saluran. Kereta yang mempunyai logo parti Harapan berada di kawasan mengundi kurang dari 50 meter dari saluran. (04.09.2018)





- Hanya ada satu kerani sahaja yang melakukan kerja kerani pengundian 1 dan 3. KTM yang memeriksa jari pengundi dan mengarahkan pengundi mencelup jari sendiri tanpa kerani yang bantu. Telah lapor kepada SPR dan SPR menjelaskan bahawa perkara sebegini hanya berlaku apabila saluran yang tiada ramai pengundi. Kerani menyebut nama pengundi dengan merujuk kad pengenalan pengundi.



- Tempat mengundi di Balai Polis Seri Kembangan berada di kawasan terbuka yang hanya ditutup dengan papan putih dan pita kuning. Namun, kawasan belakang tempat mengundi tersebut tidak betul-betul tertutup dan ada terdapat satu jurang yang besar.

Ramai pengamal media yang mengambil gambar dan video melalui jurang tersebut dan ini menyebabkan privasi pengundi terganggu.



Cadangan Penambahbaikan:

- SPR harus memastikan 3 orang kerani bertugas di setiap saluran tanpa kira berapa orang pengundi. Ini adalah untuk memastikan proses mengundi boleh berjalan dengan lancar, dan mengikut tertib yang sepatutnya
- Pihak SPR perlu memastikan kawasan tempat undi adalah tertutup menjamin privasi kertas undi
- SPR harus mengadakan satu garis panduan media untuk memastikan media menjalankan tugas mereka tanpa menjejaskan kerahsiaan undi.

5.3 Pengiraan undi berkelompok

Proses pengiraan berjalan dengan lancar.

6. UNDI BIASA

6.1 Semakan isi peti undi biasa

- Lokasi untuk menyemak isi peti undi biasa terlalu kecil dan tidak ramai yang boleh muat iaitu di Dewan Banquet, Dewan Sivik MBPJ. Ini menyukarkan KTM untuk membuat proses penyemakan. Keadaan begitu kelam-kabut kerana beberapa KTM tidak begitu

tahu apa yang perlu dibuat dan mereka menyemak tidak mengikut prosedur yang ditetapkan. Namun pegawai SPR yang hadir membantu dalam menasihati KTM.

- Pihak polis pengiring pula terpaksa berdiri di tempat yang jauh daripada KTM kerana kesempitan.
- Sewaktu semakan peti undi biasa, beberapa KTM hanya memeterai peti undi tapi tidak beg kuning. Pemerhati BERSIH 2.0 yang bertugas telah maklumkan KTM tentang perkara ini dan KTM tersebut bertanya kepada pegawai SPR dan pegawai SPR tersebut memaklumkan bahawa selagi peti undi telah dimeterai tiada masalah kalau beg kuning tidak dimeterai. Selepas itu, pegawai SPR dari pejabat pusat datang melihat banyak beg kuning tidak dimeterai dan pegawai SPR tersebut membuat satu pengumuman bahawa beg kuning juga harus dimeterai.
- Beg biasa sepatutnya mempunyai dua zip, namun terdapat beg kuning yang hanya mempunyai satu zip sahaja dan zip tersebut dimeterai dengan salah satu pemegang beg sahaja dan ia nampak tidak selamat.

Cadangan Penambahbaikan:

- **Pihak SPR perlu memilih lokasi yang lebih luas agar lebih ramai petugas, polis dan pemerhati boleh masuk dan perhatikan proses penyemakan isi peti undi biasa atau penyemakan ini boleh dilakukan di dalam 2 lokasi/dewan, supaya KTM, Polis dan petugas yang berkenaan boleh menjalankan tugas mereka dengan baik.**
- **Polis pengiring perlu memerhati pemeteraian peti undi dan cop diterima dan perlu tanda tangan pada peti yang telah dimeterai.**
- **KTM perlu mengetahui proses semak isi peti undi biasa yang sebetulnya (Rujuk ke bahagian Cadangan Khas: Latihan Petugas Tempat Mengundi)**

6.2 Pengundian biasa

BERSIH 2.0 telah menghantar sekurang-kurangnya seorang pemerhati ke setiap pusat mengundi untuk menjalankan pemerhatian. Beberapa masalah telah diperhatikan pada hari mengundi:

6.2.1 Berkempen pada hari mengundi

BERSIH 2.0 mendapati 9 kes “pondok panas” Pakatan Harapan dan MCA di luar pusat mengundi iaitu SMK Desa Serdang, SK Bandar Tun Hussein Onn, SJKC Balakong, Sk Taming Jaya dan SMK Perimbun.

6.2.2 Bahan berkempen di dalam kawasan 50 meter dari pusat mengundi

Bahan berkempen seperti baju yang mempunyai logo parti, banner dan bendera parti didapati di dalam kawasan 50 meter dari pusat mengundi di 3 pusat mengundi iaitu SMK Desa Serdang, SJKC Sg Chua dan SMK Cheras Jaya. Hal ini telah melanggar Seksyen 24B (7) Akta Kesalahan Pilihanraya.



Terdapat juga kes di mana sebuah van yang mempunyai bendera Pakatan Harapan sedang menurunkan pengundi OKU dan warga emas dan kes-kes pengundi yang membawa masuk payung dengan logo BN iaitu di SMK Desa Serdang.

6.2.3 Isu kerahsiaan undi

Terdapat beberapa tempat mengundi di SJKC Batu 11 Cheras yang mempunyai masalah undi rahsia di mana petak undi yang dekat dengan pintu masuk dan keluar. Apabila pengundi berbaris di luar, boleh ternampak kertas undi pengundi yang sedang membuang undi. Terdapat juga saluran yang terlalu jauh dan tiada dinding menyebabkan orang yang lalu lalang boleh nampak undi yang dilakukan.

Jurugambar media telah merakam pengundi yang sedang membuang undi dan terdapat satu rakaman video yang dirakam oleh KiniTV pada minit 1.30 yang menunjukkan kertas undi pengundi yang sedang mengundi. Ini telah melanggar Seksyen 5(3) Akta Kesalahan Pilihanraya. Rakaman video: <https://youtu.be/jCpHPxOD5hM>

6.2.4 Kesilapan lain petugas-petugas pilihan raya

- Kefasihan petugas mengenai proses mengundi:
 - 1) Pada hari mengundi, salah seorang pegawai SPR tidak memakai tag id pada waktu bertugas di Pusat Rekreasi (Dewan Tertutup) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Sungai Chua
 - 2) Pada saluran 5 di Pusat Rekreasi (Dewan Tertutup) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Sungai Chua), terdapat 2 buku kertas undi yang diletakkan di atas meja KP3.
 - 3) Kaunter Pondok semakan menghantar pengundi ke saluran yang salah. Terdapat salah seorang pengundi diarah ke saluran 5, apabila Kerani Pengundi 1 (Saluran 5) menyemak nama pengundi tersebut dan namanya tidak ada. Pengundi tersebut mengadu dekat pemerhati Bersih, dan apabila disemak semula, nama pengundi tersebut sebenarnya di saluran 2 di Pusat Rekreasi (Dewan Tertutup) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Sungai Chua.
- Pusat mengundi yang terlalu dekat antara satu sama lain:

Di Dewan Orang Ramai Sungai Chua dan Pusat Rekreasi (Dewan Tertutup) Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Sungai Chua: seorang pengundi yang telah mengesahkan saluran mengundinya di barong semakan Pusat Rekreasi (Dewan Tertutup) Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Sungai Chua telah tersilap masuk ke Dewan Orang Ramai Sungai Chua pada saluran 2, sebelum Kerani Pengundi 1 semak nama pengundi, Kerani Pengundi 2 telah celupkan jari pengundi. KTM sedar akan kesilapan dan membawa pengundi itu berjumpa dengan KTM saluran 2 di Pusat Rekreasi dan memberitahu kesilapan mereka. KTM saluran 2 Pusat Rekreasi merujuk kepada agennya tetapi agennya tidak setuju dan tidak membenarkan pengundi tersebut untuk mengundi.
- Media bertugas tanpa garis panduan:

Sejurus selepas calon MCA masuk ke saluran 6 SJKC Batu 11 Cheras dan membuang undi di, wartawan dari pelbagai media berkumpul dekat tempat masuk saluran dan meminta kepada KTM untuk masuk dan mengambil video dan gambar. KTM cuba menghalang namun memberitahu wartawan sahaja boleh masuk dan jurugambar tidak dibenarkan masuk. KTM seolah keliru dan membenarkan wartawan masuk ke tempat mengundi

selepas mereka menunjukkan pas media. En HJ Mohammad Saidad Bin Abdul Samat, Timbalan Pengarah Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor masuk campur dan menyuruh media tadi keluar dari kawasan tempat mengundi.

6.2.5 Isu Memisahkan kanak-kanak daripada Ibu-bapa

Ada saluran di SMK Desa Serdang yang tidak membenarkan anak untuk dibawa masuk ke tempat mengundi walaupun bayi. Ibu-ibu terpaksa meninggalkan anaknya di kantin sekolah untuk dijaga oleh petugas baru pergi mengundi. Ini sepatutnya tidak terjadi kerana kanak-kanak dibenarkan mengikut ibu-bapa masuk ke saluran mengundi lebih-lebih lagi bayi yang sedang menyusu.

6.2.5 Isu infrastruktur untuk golongan OKU dan warga emas

Ada beberapa tempat kawasan mengundi contohnya di SJKC Sg Chua dan SK Bandar Tun Hussein Onn (2), laluan OKU yang sangat curam dan berbahaya. Tangga agak tinggi buat warga emas. Payung tidak disediakan terutama kepada pengundi OKU.

6.3 Pengiraan undi biasa

- Kesilapan kerani apabila kotak undi disusun dengan salah dan lupa kira undi selepas menyusun kotak undi (SJKC Connought 2 Bandar Damai Perdana)
- KTM keliru dengan proses selepas peti undi disita samaada ianya perlu dibuat sebelum membuka peti undi atau selepas (SMK Cheras Perdana)
- Terdapat KTM yang memasukkan undi ragu yang telah diterima ke dalam peti undi parti tanpa cop dan ditanda tangani (SMK Cheras Perdana)
- Kerani pengiraan terlalu cepat sehingga memasukkan kertas undi ke dalam kotak yang salah (SMK Desa Serdang)

Cadangan Penambahbaikan:

- Pihak SPR harus memastikan tiada buku kertas undi tambahan di atas meja kerani 3.
- Perlu menyediakan infrastruktur yang mesra kepada OKU dan warga emas agar mereka mudah untuk mengundi
- Pihak SPR sepatutnya memantau 'pondok panas' dan, bahan kempen yang

berada di kalangan dari 50 meter dari pusat mengundi.

- Semua kertas undi dalam kotak undi ragu perlu dicop apabila ia diterima
- Kerani-kerani perlu dilatih dengan jelas prosedur pemeriksaan nama dahulu sehingga habis baru pencelupan jari.
- Garis panduan untuk media bertugas: pemerhati mendapati media tidak tahu hak dan had mereka semasa bertugas. Adalah penting agar media mengikut peraturan yang ditetapkan, supaya kerahsiaan undi pengundi tidak tergugat, keadaan mengundi terkawal dan tidak diganggu. SPR seharusnya mengeluarkan garis panduan media dan memberi taklimat kepada media sebelum pilihanraya.

7. PENJUMLAHAN RASMI UNDI DAN PENGISYTIHARAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA

Tidak semua keputusan saluran-saluran pusat mengundi dipaparkan ke atas skrin semasa penjumlahan rasmi undi untuk diperiksa oleh semua calon, agen calon dan media sebelum pengisytiharan keputusan pilihan raya.

Cadangan Penambahbaikan:

- Memaparkan semua penjumlahan rasmi undi setiap saluran di skrin.
- Sekurang-kurangnya menunjukkan kepada pemerhati cara bagaimana keputusan rasmi (digital dan manual) disemak antara satu sama lain untuk mengelakkan sebarang kesilapan dalam proses penjumlahan.

8. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, PRK Balakong dijalankan dengan lancar dengan pelbagai penambahbaikan daripada pihak SPR.

Namun begitu, masih terdapat pelbagai kesalahan pilihan raya contohnya berkempen waktu hari mengundi, penggunaan aset kerajaan untuk tujuan berkempen dan lain-lain. Namun, pihak SPR cuba untuk menangani isu ini dan banyak memberi bantuan kepada petugas-petugas pilihan raya kali ini.

Beberapa penambahbaikan yang positif telah dilakukan oleh SPR dalam pengurusan pilihan raya:

1. Memanjangkan tempoh berkempen iaitu selama 21 hari.

2. Pihak SPR hadir di setiap saluran dan membantu petugas-petugas yang ada masalah telah melicinkan gerak kerja ketika hari mengundi.

BERSIH 2.0 mengalu-alukan langkah penambahbaikan yang telah dilakukan oleh SPR.

Selain daripada langkah-langkah penambahbaikan yang telah dicadangkan dalam setiap bahagian laporan ini, BERSIH 2.0 juga mencadangkan supaya semua petugas termasuk KTM, kerani dan penunjuk arah hendak menghadiri taklimat dan latihan yang mencukupi. Hal ini kerana pemerhati mendapati kehadiran petugas ke taklimat adalah kurang memuaskan. Mereka juga tidak memberi perhatian penuh kepada taklimat (ada petugas yang menanda kertas pepeiksaan sekolah, ada yang berbual-bual sepanjang taklimat). Cadangan kami:

- 1) Semua petugas seharusnya wajib untuk menghadiri taklimat dan latihan, walaupun ada KTM yang berpengalaman, mereka juga harus menghadiri sesi penyegaran (refreshment course).
- 2) Taklimat atau latihan harus dilakukan dalam kumpulan yang lebih kecil untuk meningkatkan keberkesanannya.
- 3) Latihan praktikal bersama ujian kelayakan perlu diadakan kerana didapati ramai di antara petugas tidak fasih dalam proses mengundi.